



21 MAR, 2023

## Penyudah tajam Azrai aset Speedy Tigers

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



**AZRAI (kanan) berjaya meledak 40 gol sepanjang kempen MHL 2023 sekali gus menjadikannya penyerang harapan skuad Speedy Tigers.**

## Penyudah tajam Azrai aset Speedy Tigers

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY  
BADLISHAH

**KETUA** jurulatih skuad hoki kebangsaan, A. Arul Selvaraj teruja melihat ketajaman penyudah penyerangnya, Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal yang muncul penjaring terbanyak Liga Hoki Malaysia (MHL) 2023.

Menariknya, Azrai berjaya meledak 33 gol padang dan tujuh pukulan sudut penalti dengan keseluruhan 40 jaringan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) sepanjang aksi MHL dan Piala TNB musim ini.

Bagi Arul, situasi itu sememangnya memberikan kelebihan kepada *Speedy Tigers* kerana mereka kini mempunyai lebih ramai pemain yang berupaya meledak jaringan padang selain Faizal Saari.

"Memang kejutan kerana Boy (Azrai) lebih kepada peranan pemain sokongan yang banyak mencipta umpanan jaringan. Mungkin dia lepas geram sebab tak dapat ke Piala Dunia baru-baru ini.

"Bagus buat pasukan kebangsaan sebab kita tahu dia

boleh jaringan gol padang. Bukan senang nak dapat gol padang kerana biasanya *drag-flicker* jadi penjaring terbanyak dalam mana-mana kejohanan.

"Secara keseluruhan saya gembira, malah kebanyakan pemain kebangsaan juga dilihat ketara memberikan prestasi terbaik bersama pasukan masing-masing," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Penjaring kedua terbanyak adalah pemain import Pasukan Hoki Terengganu, Jang Jong-hyun dengan 29 gol menerusi 27 pukulan sudut penalti dan dua penalti *stroke*.

Bintang pertahanan negara, Muhammad Razie Abd. Rahim bersama Maybank di tangga ketiga senarai penjaring terbanyak menerusi 28 jaringan hasil dua gol padang, 23 pukulan sudut penalti dan tiga penalti *stroke*.

Barisan pemain *Speedy Tigers* akan menjalani ujian kecergasan dan fizikal hari ini dan esok sebelum kembali berlatih di padang minggu depan dengan sesi sebelah malam sepanjang bulan Ramadan.